

Gandingan Tengku Zafrul, Rafizi formula tepat

BH- 5/12/2022 ml: 24

Pelantikan beri keyakinan, impak positif kepada pasaran

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pelantikan menteri yang mempunyai pengalaman korporat dan latar belakang profesional bagi menguruskan hal ehwal ekonomi, kewangan, perdagangan serta pelaburan adalah gandingan yang berkesan untuk memberi keyakinan dan impak positif kepada pasaran, demikian menurut penganalisis.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pelantikan Rafizi Ramli sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Menteri Perdagaa-

ngan Antarabangsa dan Industri mencerminkan komitmen kerajaan melantik mereka yang mempunyai pengalaman korporat dan latar belakang profesional.

Malah, beliau berkata, kedua-dua mereka juga dianggap sebagai generasi pelapis yang masih bertenaga untuk memberi sumbangan terbaik kepada negara.

Katanya, dengan Kementerian Kewangan kembali diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pernah dinamakan sebagai Menteri Kewangan Terbaik Asia turut mampu memberi impak positif kepada pasaran.

Tambahnya, dengan penguasaan tokoh korporat terkemuka negara yang diiktiraf antarabangsa, Tan Sri Mohd Hassan Marican yang akan mengetahui beberapa penasihat untuk membantu menguruskan Kementerian Kewangan juga mampu memberi keyakinan kepada pelabur.

“Saya bersetuju bahawa bari-

san Kabinet ini akan memberi impak positif kepada pasaran dan juga kepada keyakinan pelabur,” katanya kepada *BH*.

Tengku Zafrul sebelum ini dilantik sebagai Menteri Kewangan di bawah pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin seterusnya dilantik semula ke jawatan yang sama pada 27 Ogos 2021, di bawah pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sebelum dilantik dalam kerajaan, Tengku Zafrul ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan dan Pengarah Eksekutif CIMB Group Holdings Bhd.

Ambil kira situasi negara

Sementara itu, Rafizi memulakan kerjaya dengan Jeffreys Henry Chartered Accountants, London dari 1999 sehingga 2003 dan lulus semua peperiksaan akauntan bertauliah dengan Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) dalam masa dua tahun.

Beliau juga diterima sebagai ahli ICAEW pada 2003, selepas tamat tempoh minimum latihan di

firma perakaunan dan diterima sebagai ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA) pada 2003 apabila pulang ke Malaysia.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid pula menyifatkan keputusan yang dibuat Anwar untuk memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan mungkin mengambil kira situasi negara yang sedang melalui tempoh kritikal bagi menetapkan hala tuju ekonomi dan kewangan di saat pelbagai cabaran ekonomi dunia dan domestik yang melanda.

Beliau yakin dengan kelebihan rangkaian Anwar, terutama di luar negara yang perlu diguna pakai untuk memperbetulkan kewangan negara seperti menurunkan paras hutang dan menarik pelabur asing.

Katanya, penasihat yang dilantik juga berupaya untuk membantu Kementerian Kewangan bagi mencipta formula yang lebih mantap dan terkini untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI).